

# SIARAN MEDIA

---

## KAMPUNG ANGKAT NRES PERKASA KELESTARIAN DAN EKONOMI HIJAU PENDUDUK KAMPUNG ARIL

---

Program Kampung Angkat MADANI di Kampung Aril, Kota Bharu, Kelantan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah mengubah landskap pembangunan kampung itu menjadi lebih kondusif dan lestari.

Projek-projek yang siap sepenuhnya dalam tempoh setahun itu meliputi penambahbaikan infrastruktur dan pelaksanaan beberapa inisiatif antaranya kerja-kerja membaikpulih masjid, Wat Ariyakiri, klinik desa, wakaf dan tempat pembuangan sampah.

Selain itu, NRES juga telah menaik taraf jalan kampung, memasang lampu solar di jalan utama Kampung Aril serta memasang telaga tiub untuk memastikan bekalan air bersih kepada penduduk.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad ketika berucap menyempurnakan Program Kampung Angkat MADANI berkata, program ini merupakan salah satu inisiatif utama Kerajaan MADANI untuk memperkuuh pembangunan luar bandar dan memperbaiki kesejahteraan rakyat melalui penglibatan komuniti setempat.

“Dengan adanya infrastruktur yang terbaik, ia menjadi daya tarikan pelancongan sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup dan ekonomi penduduk Kampung Aril. Alhamdulillah dengan beberapa projek yang telah dirancang dan disempurnakan, kita membuat penyerahan kepada penduduk Kampung Aril hari ini,” katanya.

Selain itu, pembinaan Denai Alam (Nature Trail) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) juga dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

“Sebenarnya banyak yang kita laksanakan antara yang menarik bagi saya terutamanya untuk menarik pelancong daripada luar adalah trek, nature trail yang dibina dengan kerjasama daripada FRIM untuk mereka yang mencintai alam semula jadi dan ia sesuai dijadikan tempat rekreasi,” katanya lagi.

Dengan peruntukan nasional sebanyak RM100 juta yang disediakan semasa Belanjawan 2024, setiap kampung angkat, termasuk Kampung Aril, menerima peruntukan maksimum sebanyak RM2.5 juta untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan.

Beliau berharap usaha ini menjadi pemangkin kepada pembangunan mampan yang dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk serta menyemai semangat perpaduan dan gaya hidup sihat dalam komuniti.

Program Semarak Desa ini dimeriahkan dengan pelbagai acara menarik, termasuk Larian Semarak Desa, Kayuhan Semarak Desa, persempahan silat dan Muay Thai. Terdapat juga persempahan Menora oleh komuniti Siam yang diadakan semasa lawatan ke Wat Ariyakiri.

Pelbagai aktiviti turut diadakan seperti pertandingan sukan rakyat, pertandingan gubahan bunga untuk golongan wanita dan acara mewarna batik untuk kanak-kanak. Program ini berakhir dengan sesi penyampaian hadiah dan sumbangan bantuan kebajikan kepada penduduk setempat.

Turut hadir, Ketua Setiausaha NRES, YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), Norsham Abdul Latip, serta pegawai kanan dari pelbagai jabatan dan agensi di bawah NRES.

Inisiatif Kampung Angkat MADANI membuktikan keprihatinan kerajaan dalam membawa pembangunan inklusif dan lestari, selaras dengan prinsip MADANI yang menekankan kemampanan, kesejahteraan dan perpaduan.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**  
**10 JANUARI 2025**